

**Terima kasih PM kerana peduli, kata Khairy
Free Malaysia Today
Nov 30, 2016
Adam Abu Bakar**

Ketua Pemuda Umno sepanjang berucap di Perhimpunan Agung Umno 2016 di PWTC pagi ini mengucapkan 11 kali terima kasih kepada perdana menteri.

KUALA LUMPUR: Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin hari ini mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Najib Razak selaku perdana menteri kerana mendengar keluhan dan aduan dialami pemuda.

Beliau berkat keprihatinan Najib terhadap Pemuda Umno membolehkan suara orang muda diberi perhatian dan bukannya sekadar syok sendiri apabila mencadangkan sesuatu usul.

“Mungkin kita boleh mengaku diri kita ‘solution provider’ dan ‘think tank’, tetapi adakah kita syok sendiri. Peduli ke tidak presiden parti selaku perdana menteri terhadap apa yang kita bincangkan di sini.

“Ataupun kita ibarat bercakap berdegar-degar tetapi hanya untuk dibawa angin lalu saja? Biar rekod kita yang berbicara,” katanya ketika berucap di Perhimpunan Agung Umno 2016, hari ini.

Dalam ucapannya, Khairy tidak putus-putus mengucapkan terima kasih kepada Najib kerana mendengar pelbagai perkara yang diajukan Pemuda.

“Kita sebut pasal TVET. Sekarang adakah ia satu realiti? Terima kasih perdana menteri. Hari ini TVET diurusperdanakan.

“Masih ingatkah kita, bila disebut tentang masa depan, ketika itulah kita sebut tentang pentingnya kemahiran dunia digital untuk anak bangsa. Kerajaan dengar suara kita atau tidak? Terima kasih perdana menteri,” katanya.

Tidak terhenti di situ, Khairy turut menyatakan aduan Pemuda berhubung gaji minima kepada pekerja turut didengari Najib.

“Pemuda ke depan minta gaji minimum untuk golongan pekerja, mendesak biar disegerakan. Apa respons kerajaan? Terima kasih perdana menteri.

“Masih ingatkah kita, bila graduan belajar tinggi-tinggi, 3 tahun menuntut untuk mendapatkan ijazah tetapi masih tidak dapat kerja, siapa yang angkat agenda ini, yang bersuara risaukan tentang mereka?

“Mendapatkan pekerjaan untuk anak muda desakan nombor satu Pemuda. Adakah kerajaan dengar atau tidak? Terima kasih perdana menteri,” katanya.

Khairy yang juga ahli Parlimen Rembau berkata Najib turut mendengar suara hati mahasiswa agar diberikan peluang untuk bebas dalam berpolitik.

“Pemuda tampil ke depan, dengan berani menuntut agar dipinda AUKU, supaya mahasiswa bebas untuk sertai politik, masiakah kita ingat?

“Adakah kerajaan dengar suara kita? Adakah perdana menteri terima suara kita yang berjuang untuk anak muda dan mahasiswa berpolitik? Terima kasih perdana menteri,” katanya.

Dalam ucapannya itu, Khairy mengucapkan 11 kali terima kasih kepada perdana menteri.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/30/terima-kasih-pm-kerana-peduli-kata-khairy/>